

Baca petikan dan fahami kemudian jawab soalan-soalan di bawah ini.

Kemudahan teknologi elektronik pada zaman ini semakin hari semakin canggih. Aplikasi 'Whatsapp' , 'Facebook' , 'Twitter' dan juga 'Instagram' adalah antara media social yang paling banyak penggunaanya di negara kita.

Kemudahan-kemudahan seperti ini ada baik dan ada buruknya. Tertakluk kepada pengguna untuk menggunakannya kearah kebaikan atau keburukan. Antara kebaikan laman sosial ini adalah sebagai alat perhubungan, untuk kemudahan berhubung dengan ahli keluarga atau rakan.

Laman sosial ini amat berguna kepada pihak yang menjalankan perniagaan, sebagai alat untuk memasarkan produk mereka. Sedang alat untuk menyebarkan ilmu pengetahuan, laman sosial ini banyak membantu dalam penyebaran maklumat. Pelbagai maklumat dapat dikongsi dengan rakan-rakan yang lain seperti ilmu keagamaan, dan pembelajaran.

Namun, keburukannya pula ialah pembaziran masa. Pengguna yang banyak menghabiskan masa di dalam laman sosial ini leka atau lalai sehingga boleh menjejaskan kerja-kerja rutin seharian yang lebih penting. Oleh itu, sebagai pengguna kita harus pandai memikirkan antara keutamaan sesuatu perkara dengan kehendak nafsu semata-mata. Kadang-kadang kelalaian yang diciptakan ini boleh menjejaskan keselamatan, kesihatan dan ketenteraman hidup seseorang.

1. Tuliskan lima kemudahan teknologi elektronik yang ada pada zaman ini.

2. Pada pendapat kamu apakah kebaikan aplikasi 'Whatsapp' ?

3. Sebagai seorang peniaga apakah kebaikan aplikasi 'Facebook' ?

4. Mengapa penggunaan **masa** perlu dititikberatkan ketika seseorang itu menggunakan kemudahan teknologi elektronik ?

5. Apakah aplikasi yang kamu selalu gunakan untuk mencari info yang berkaitan dengan pelajaran ?

Tatabahasa – Peribahasa

tiada sanak saudara	menantikan perkara yang tidak mungkin berlaku
pakaian yang tinggal pada tubuh seseorang sahaja	kata-kata hikmat daripada orang yang bijaksana
orang yang mengenakan bunga yang tinggi atas pinjaman yang diberikan	cepat membuat kerja
banyak pengalaman dalam hidup	tidak mahu mengambil tahu
saudara seibu tapi lain bapa	orang yang baru memeluk agama Islam

	Simpulan Bahasa	Maksud
1	Kucing bertanduk	
2	Lidah pendeta	
3	Lintah darat	
4	Lepas tangan	
5	Lipas kudung	
6	Makan garam	
7	Saudara anjing	
8	Saudara baru	
9	Sebatang kara	
10	Sehelai sepinggang	

Penjodoh Bilangan

Tulis PENJODOH BILANGAN yang sesuai ditempat kosong dalam ayat di bawah ini.

- a. Nelayan itu sedang menjalin se _____ jala.
- b. Ayah membelikan adik dua _____ kasut berwarna putih.
- c. Berapakah harga se _____ sayur sawi ini ?
- d. Se _____ lanun telah diberkas oleh polis marin.
- e. Masukkan beberapa _____ cendawan ke dalam gulai ini.
- f. Anggota polis melepaskan tiga _____ tembakan kearah penjenayah itu.
- g. Ibu membeli enam _____ roti canai di restoran Pak Harris.
- h. Ayah menghadiahi ibu se _____ cincin emas.
- i. Beberapa _____ kenderaan terlibat dalam kemalangan itu.
- j. Polis merampas dua _____ pedang daripada penyeludup itu.

Karangan Perihal

Isikan tempat kosong dengan perkataan yang sesuai mengenai ibu kamu.

Ibu Saya



1. Nama ibu saya _____.
2. Ibu saya berumur _____ tahun dan dia seorang yang _____ dan _____.
3. Ibu dilahirkan pada _____ (haribulan dan tahun).
4. Dia anak yang ke _____ daripada _____ orang adik-beradik.
5. Ibu seorang _____ dan _____ (pekerjaan/tugas).
6. Saya gemar makan _____ dan minum _____.
7. Selain itu, ibu juga suka _____ bersama _____ (sukan/riadah).
8. Pada sebelah petang pula, ibu meluangkan masanya dengan _____ (aktiviti masa lapang).
9. Ibu sangat pandai memasak _____ dan selalu menonton rancangan _____ (jenis masakan/ nama rancangan).
10. Saya _____ ibu saya kerana _____.

Diri Saya

Nama saya _____. Saya berumur _____ tahun. Saya dilahirkan pada _____ di rumah sakit _____. Saya adalah anak yang ke _____ daripada _____ orang adik-beradik.

Sekarang saya belajar dalam Tahun _____ dan bersekolah di _____, Kluster 2. Kawan-kawan sekelas saya seramai _____ orang. Guru kelas saya pula bernama _____.

Saya suka mata pelajaran _____ dan cikgunya bernama _____. Bila dewasa nanti, saya ingin menjadi seorang _____. Oleh itu, saya mesti belajar dengan _____ dan bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita ini.